

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 06.3.2018 (SELASA)**

**Dato' Abd Aziz bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah jumlah usahawan Bumiputera yang telah menceburi bidang perniagaan francais dan bagaimanakah Kementerian berusaha menyeragamkan pihak agensi pembiaya kewangan dan bantuan bidang perniagaan ini seperti pihak PUNB, SME dan lain-lain lagi.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga 31 Januari 2018, sebanyak 232 syarikat milik Bumiputera berdaftar dengan Kementerian di bawah Akta Francais 1998. Jumlah ini merupakan pecahan sebanyak 27% daripada jumlah keseluruhan 851 syarikat francais yang berdaftar.

Bagi terus memacu pertumbuhan industri francais, Kementerian ini melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) menawarkan pelbagai program pembiayaan dan latihan kepada usahawan. Antara program tersebut adalah ***Business In Transformation (BIT)*** yang merupakan satu program transformasi perniagaan untuk para usahawan kecil menjadi lebih kompetitif dan sistematik dalam menjalankan perniagaan.

Disamping itu juga, PNS memperkenalkan **Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPFT)** pula merupakan insentif Kerajaan kepada usahawan Bumiputera tempatan yang mempunyai perniagaan atau produk tempatan yang berpotensi untuk dikembangkan melalui sistem francais.

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) lebih memfokuskan kepada pembiayaan kepada usahawan francais melalui program **Prosper Runcit**. Melalui program ini, francais Bumiputera yang menjalankan perniagaan dalam sektor pendidikan boleh memohon pembiayaan daripada PUNB.

Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi pembiayaan lain untuk membantu usahawan dalam mendapatkan bantuan pembiayaan dan bantuan-bantuan lain.